

PENGAWALAN IBU BAPA BERKERJAYA TERHADAP PENGGUNAAN GAJET DALAM KALANGAN KANAK-KANAK: SATU KAJIAN KES

Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar,
Juwairiah Hassan

ABSTRAK

Penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat terutama semenjak Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan aktiviti pembelajaran dilaksanakan di dalam talian. Walaupun gajet memberi kemudahan kepada aktiviti pembelajaran kanak-kanak, namun, kajian-kajian lepas menunjukkan penggunaan gajet tanpa kawalan mampu memberi kesan yang negatif khususnya kepada psikologi mereka. Pengawalan gajet terhadap kanak-kanak bertambah sukar apabila melibatkan pasangan ibu bapa berkerjaya. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pandangan Islam terhadap aspek pengawalan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Serta mengenal pasti pelaksanaan pengawalan gajet dalam kalangan kanak-kanak yang diguna pakai oleh ibu bapa berkerjaya dan mencadangkan pendekatan dan kaedah pengawalan ibu bapa berkerjaya terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini merupakan kajian kes dengan melakukan temu bual secara atas talian kepada 5 orang peserta kajian yang terdiri daripada kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia semasa PKP dan mengisi soal selidik berbentuk senarai semak bagi mendapatkan data kajian. Hasil kajian mendapati, Islam amat menganjurkan ibu bapa agar memastikan anak-anak berada dalam persekitaran yang baik serta ibu bapa perlu membina kawalan dalaman diri (takwa) agar dapat mengawal tingkah laku mereka daripada terpengaruh dengan unsur negatif daripada penggunaan gajet. Kajian juga mendapati terdapat tiga pendekatan yang digunakan oleh ibu bapa berkerjaya di UKM dalam mengawal penggunaan gajet terhadap kanak-kanak iaitu dengan kawalan melalui aplikasi gajet, latihan melalui disiplin dan pembinaan kawalan dalaman diri anak-anak.

Kata Kunci: Pengawalan gajet, psikologi kanak-kanak, ibu bapa berkerjaya, dakwah.

Pendahuluan

Penggunaan *gadget* atau biasa disebut sebagai 'gajet' pada masa kini bukan sahaja menjadi satu keperluan malah penggunaannya semakin meluas tidak sekadar kepada golongan dewasa malah kepada golongan kanak-kanak. Satu kajian melaporkan 96.6 peratus sampel kajian telah mengguna gajet mudah alih seawal umur 1 dan 2 tahun setiap hari (Kabali et al. 2015). Sasaran penggunaan gajet semakin meluas dengan kepelbagaian fungsinya yang mampu menarik minat semua peringkat umur termasuk bayi. Walaupun pada awalnya, penciptaan gajet adalah untuk memudahkan urusan komunikasi dan penyebaran maklumat, namun, pada masa kini peranannya merangkumi pelbagai aspek kehidupan seiring dengan berkembangnya capaian internet dan penciptaan aplikasi gajet. Tambahan pula, kepelbagaian fungsi gajet ini telah memberi kemudahan yang

besar kepada manusia terutama sepanjang melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh Pandemik Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia.

Semasa PKP, berlaku peningkatan penggunaan gajet bukan sahaja kepada golongan dewasa malah melibatkan golongan kanak-kanak. Hal ini berikutan aktiviti pembelajaran dilaksanakan di dalam talian disebabkan oleh penutupan sekolah. Pihak sekolah mengambil inisiatif untuk menyediakan aktiviti pembelajaran sama ada secara atas talian (*online*) atau luar talian (*offline*). Rentetan itu, gajet menjadi satu keperluan kepada kanak-kanak sebagai alat pembelajaran dan ini memberi ruang kepada mereka untuk meneroka pelbagai aplikasi dan melayari internet. Lebih-lebih lagi, ada dikalangan guru yang menggunakan aplikasi pengajaran yang memerlukan kanak-kanak membuka akaun e-mel peribadi seperti aplikasi Google Classroom. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan gajet memberi faedah yang besar kepada pembelajaran kanak-kanak sepanjang PKP dilaksanakan.

Namun begitu, penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak perlu diberi pengawalan oleh ibu bapa. Menurut Zulkiflee dan rakan-rakan (2017) walaupun gajet mampu membantu proses pembelajaran kanak-kanak, namun, penggunaan yang tidak dikawal mampu memberi kesan yang buruk. Hal ini kerana banyak kajian menunjukkan bahawa penggunaan gajet tanpa kawalan dalam kalangan kanak-kanak mampu memberi kesan yang negatif kepada kesihatan fizikal (Widea Ernawati 2015) dan mental (Jones 2014), perkembangan kognitif (Setianingsih, Amila & Firiana 2018), sosial (Gentile & Walsh 2002; Shima Dyana dan Siti Marziah 2018), serta emosi (Khairunnisa 2016; Sundus 2018). Keadaan ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada tingkah laku mereka (Kovalchuk & Gibb 2018).

Apa yang membimbangkan, ibu bapa kini terlalu sibuk terutama dengan kerjaya sehingga membiarkan anak-anak mereka bermain gajet sendirian tanpa adanya pemantauan. Ada dalam kalangan ibu bapa yang membiarkan anak-anak mereka leka dengan permainan dalam gajet pintar dalam jangka masa terlalu lama dengan alasan menjadikan gajet tersebut sebagai 'pengasuh kedua'. Malah, terdapat sebahagian ibu bapa yang menguruskan penjagaan anak-anak dengan gajet, dan menjadikan gajet tersebut sebagai salah satu alat "penenang" dalam mengawal tingkah laku anak-anak (Vittrup et al. 2016). Laporan daripada Pediatric Academic Societies menunjukkan 65 peratus ibu bapa mengaku memberikan gajet supaya anak mereka lebih mudah dikawal (Alzahrin & Mohd Nasaruddin 2015).

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pandangan Islam terhadap pengawalan penggunaan gajet oleh ibu bapa terhadap kanak-kanak. Seterusnya, mengenal pasti pelaksanaan pengawalan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa berkerjaya dan mencadangkan garis panduan pengawalan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak.

KESAN PENGGUNAAN GAJET SECARA BERLEBIHAN TERHADAP PSIKOLOGI KANAK-KANAK

Menurut pakar, tempoh perkembangan kanak-kanak merupakan tempoh pertumbuhan yang penting (*golden age period*) (Rudi et al. 2019). Akal mereka sangat aktif untuk meneroka persekitaran dan menyerap segala maklumat dan informasi yang diperoleh (Kolb 2018). Maklumat dan informasi yang disimpan mempengaruhi tingkah laku dan penentu kepada tindakan mereka (Kovalchuk & Gibb 2018). Oleh itu, penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak jika tidak dikawal boleh memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan dan perkembangan mereka.

Menurut Naquiah (2017) penggunaan teknologi gajet yang tidak terkawal akan memberi kesan negatif kepada perkembangan fizikal dan otot. Antaranya seperti menurunnya kadar penglihatan (Widea 2015). Widea mendapati intensiti pencahayaan yang tidak baik akan menyebabkan mata berakomodasi lebih kuat dan jika dibiarkan secara berterusan akan menyebabkan penurunan kadar penglihatan. Tidak sekadar itu, cahaya biru yang dipancarkan oleh skrin gajet mengekang pengeluaran melatonin, yang berfungsi mengawal kitaran tidur dan bangun (Touitou, Reinberg, & Touitou 2017). Kekurangan melatonin menjadikannya sukar untuk tidur. Jika penggunaan gajet tidak dikawal secara berterusan boleh mengakibatkan kanak-kanak mengalami masalah untuk tidur yang kronik (Hegde, Bhandary, & Balraj 2019).

Selain itu, penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan kanak-kanak juga dapat menyebabkan kegemukan atau obesiti (Thompson & Christakis 2005; Srinahyanti et al. 2018). Aula (2016) mendapati kanak-kanak prasekolah dengan intensiti penggunaan gajet yang tinggi mempunyai peluang 2.1 kali ganda untuk gemuk berbanding dengan kanak-kanak prasekolah dengan penggunaan gajet yang rendah. Sedia maklum bahawa aktiviti permainan fizikal yang aktif menjadikan kanak-kanak lebih sihat (Hegde, Bhandary, & Balraj 2019). Oleh yang demikian, kanak-kanak yang lebih banyak menghabiskan banyak masa di hadapan skrin gajet boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan badan.

Tidak sekadar memberi kesan kepada kesihatan badan malah penggunaan gajet secara berlebihan boleh menyebabkan berlakunya masalah pembelajaran. Kanak-kanak di bawah usia dua tahun yang dibiarkan memandang skrin untuk satu jangka masa tanpa kawalan dibimbangi boleh menjejaskan perkembangan bahasa, kemahiran membaca dan ingatan memori jangka pendek mereka. Antara penemuan kajian mendapati bahawa penggunaan gajet yang berterusan boleh mengecutkan otak anak, terutamanya yang berumur di bawah tiga tahun (Khairunnisa 2016). Ini selari dengan dapatan Putri Afzan Maria (2015) yang mendapati antara faktor anak lambat bercakap adalah di sebabkan kurangnya perbualan antara ibubapa dan anak-anak.

Keadaan tersebut sudah pasti memberi kesan kepada kemahiran interpersonal mereka (Naquiah et al. 2017). Hal ini kerana mereka kurang terdedah dengan aktiviti sosial (Rosmiati et al. 2019; Yuniarti et al. 2018) dan menjejaskan masa bersama keluarga. Kesannya mereka kurang pandai untuk bekerjasama, bersahabat, berdikari, bertolak ansur, menghormati hak orang lain dan bertindak balas terhadap sesuatu aktiviti seperti diharapkan oleh orang dewasa (Rohani 2001). Mereka lebih selesa bersama gajet atau gajet berbanding bergaul dengan rakan-rakan sebaya. Menurut kajian Master dan rakan-rakan (2016) mendapati 90 peratus kanak-kanak yang menggunakan gajet berlebihan menunjukkan perasaan sedih, cemas atau marah apabila gajet mereka diambil dan disimpan. Keadaan ini boleh merosakkan hubungan kekeluargaan dan sosial kanak-kanak (Gentile & Walsh 2002; Shima Dyana dan Siti Marziah 2018).

Selain daripada itu, gajet boleh menyebabkan ketagihan kepada penggunaannya (Jones 2014). Keadaan ini boleh memberi kesan kepada kesihatan mental kanak-kanak. Setianingsih, Amila dan Firiana (2018) melakukan kajian ke atas 101 orang kanak-kanak pra sekolah yang terdiri daripada 82 orang tidak ketagihan penggunaan gajet dan 19 orang ketagihan penggunaan gajet. Hasil menunjukkan seorang daripada 82 kanak-kanak tidak ketagihan gajet memiliki ADHD dan 17 daripada 19 orang kanak-kanak yang ketagihan penggunaan gajet memiliki ADHD. Ini menunjukkan wujud hubungan penggunaan gajet dengan risiko gangguan pemusatan perhatian dan hiperaktif atau ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) pada usia awal kanak-kanak. Malah menurut Khairunnisa (2016) juga mendapati kanak-kanak yang menggunakan gajet secara berlebihan mempunyai masalah mengawal emosi mereka.

Apa yang membimbangkan menurut Anderson & Dill (2000) mendapati, keganasan yang dipamerkan oleh televisyen dan permainan video mengakibatkan kanak-kanak menjadi lebih agresif selepas menggunakannya. Al-Mazmi, Aslam dan Rajan (2013) mendapati kandungan aplikasi, iklan dan maklumat dalam teknologi yang tidak sesuai seperti adegan yang melampau boleh mempengaruhi pemikiran dan perlakuan kanak-kanak. Kanak-kanak bebas terdedah dengan perkara negatif permainan video yang ganas, pelbagai video melampau dan lucu yang boleh memberi kesan kepada kognitif, sikap dan tingkah laku yang agresif (Anderson & Bushman 2002). Hal ini sudah pasti memberi risiko yang tinggi kepada tingkah laku kanak-kanak apabila penggunaan gajet tidak dikawal dengan sebaiknya oleh ibu-bapa atau penjaga Jadi tidak hairan sejak kebelakangan terdapat berita berkaitan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti jenayah yang semakin bertambah antaranya melibatkan kesalahan merogol, ketagihan dadah dan sebagainya seawal umur 12 tahun (Mohd. Hafizee 2019; Adam 2017).

PENGAWALAN PENGGUNAAN GAJET DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DARI PERSPEKTIF ISLAM

Sebelum mengupas dengan lebih mendalam berkaitan pengawalan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak dari perspektif Islam, sebaiknya perlu mengetahui dalil asas berkaitan skop ini. Di dalam Islam, ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab menjaga, mendidik dan membentuk peribadi anak-anak. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Nabi SAW bersabda: “Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian ibu bapanya yang akan menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Sahih Bukhari, No. Hadis:1271)

Justeru itu, peranan dan tanggungjawab sebagai ibu bapa amat besar dalam Islam. Tanggungjawab ibu bapa bukanlah terhad kepada penyediaan harta yang berbentuk fizikal, tetapi yang paling utama adalah mendidik dan mentarbiah jiwa anak-anak kerana kedudukan ibu dan bapa yang mendidik anaknya amat besar di sisi Allah Taala (Siti Atiyah et al. 2019)

Di dalam al-Quran Allah SWT telah mengisahkan tentang Luqman al-Hakim dalam memberi didikan kepada anaknya. Allah SWT telah memuliakan Luqman al-Hakim atas nasihat dan wasiat yang telah disampaikan kepada anaknya sehingga namanya menjadi salah satu nama surah di dalam al-Quran (Amrul 2020). Apakah nasihat yang telah diberikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya? Berikut adalah nasihat Luqman al-Hakim kepadanya anaknya yang telah disaring dan diterjemahkan daripada Surah Luqman.

“Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”
(Surah Luqman 31: 13)

“Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit ataupun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas-Nya), sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya, lagi amat meliputi akan segala yang tersembunyi.”
(Surah Luqman 31: 16)

“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan suruhlah berbuat kebaikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.” (Surah Luqman 31: 17)

Daripada ayat tersebut, Amrul (2020) telah menyimpulkan 5 perkara yang perlu ditanamkan dalam diri anak-anak berdasarkan hujahan dan huraian ahli-ahli tafsir. Pertama, menanamkan akidah yang kuat dalam diri anak-anak dengan memberi keyakinan bahawa Allah SWT berkuasa untuk memberi ganjaran dan balasan kepada tingkah laku manusia. Kedua, memberi kesedaran kepada sifat-sifat kemuliaan Allah SWT bahawa Allah SWT Maha Mengetahui dan Maha Melihat apa sahaja yang berlaku di dunia . Ketiga, memerintahkan anak-anak agar mendirikan solat. Keempat, mengajar anak-anak agar berani menyeru manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kelima, mengajar mereka agar bersabar dalam menghadapi ujian kehidupan dalam proses amar makruf dan nahi mungkar.

Berdasarkan dalil hadis dan al-Quran serta huraian di atas, jelas menunjukkan Islam menitikberatkan ibu bapa agar memberi didikan kepada anak-anak. Manakala, asas pengisian bagi membentuk peribadi anak-anak adalah dengan menanamkan ketakwaan. Ketakwaan dibentuk dengan mengenalkan mereka kepada sifat-sifat kebesaran Allah SWT. Ketakwaan dapat menjadi benteng atau pengawalan dalaman bagi mendorong anak-anak melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan (Haron Din 2015). Oleh yang demikian, elemen inilah yang menjadi dasar penghujahan berkaitan pengawalan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak dari perspektif Islam.

Menurut Sharifah Fadylawaty dan rakan-rakan (2017) penggunaan gajet dengan melayari perkara yang melalaikan dan bercanggah dengan nilai agama boleh memberi impak kepada fungsi akal. Akal amat penting dipelihara agar dapat mempertimbangkan perkara yang baik dan buruk. Akal dapat berfungsi dengan baik jika input yang masuk adalah baik. Penjagaan akal seawal kanak-kanak adalah penting kerana pada usia ini otak menyerap segala maklumat tanpa tapisan (Williams-Washington, Melon & Blau 2010). Oleh itu, amat penting bagi ibu bapa mencari jalan untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak agar perkembangan dan pertumbuhan mereka berlaku dengan baik.

Oleh kerana penggunaan teknologi gajet dalam kalangan kanak-kanak adalah perkara baru, maka kajian ini melakukan temu bual bersama dua orang pensyarah dalam bidang Pengajian Islam bagi mendapat huraian berkaitan peranan ibu bapa dalam pengawalan gajet kanak-kanak menurut perspektif Islam. Menurut Muhammad Arif Yahya (2020) yang merupakan Pensyarah dari Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah UKM, ibu bapa sewajibnya memantau anak-anak dan perlu menyediakan jadual yang khusus untuk aktiviti harian anak-anak termasuklah dalam bermain gajet. Tambahnya lagi, gajet tidak boleh langsung diharamkan daripada kanak-kanak kerana mereka hidup dalam zaman teknologi, maka mereka tidak boleh buta daripada penggunaan gajet, namun ianya perlukan kawalan daripada ibu bapa sendiri dan seharusnya masyarakat perlu mendidik anak-anak bersesuaian dengan zaman. Peranan ibu bapa terhadap pengawalan ini

begitu penting kerana zaman kini adalah zaman teknologi dan sebagai seorang muslim, mereka perlu celik dan pakar dalam menggunakan teknologi yang semakin canggih. Dalam agama Islam, Islam juga tidak menolak teknologi, namun penggunaannya mestilah seiring dengan objektif syarak dan memenuhi kerangka maqasid syariah. Oleh itu, ibu bapa berkerjaya perlu ada masa dalam mengawal penggunaan gajet anak-anak.

Manakala menurut Hasanah Abd. Khafidz (2020) yang merupakan pensyarah Pusat Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM dan aktif sebagai Konsultan Apple, ibu bapa perlu mencorakkan anak-anak bila mana mereka lahir ke dunia dan mereka ibarat kain putih, jadi jelas di sini menerangkan bahawa pentingnya ibu bapa mencorakkan anak-anak untuk menggunakan gajet dengan sebaiknya. Gajet adalah suasana zaman kanak-kanak sekarang, jadi ibu bapa memang perlu memainkan peranan yang penting untuk memberi peluang kepada kanak-kanak menggunakan gajet dengan pengawasan, memberi nasihat dan kawalan yang semaksimum mungkin. Kanak-kanak perlu dibantu untuk mengurangkan pergantungan terhadap gajet kerana gajet mempunyai pelbagai aplikasi yang menyebabkan mereka melekat dan berterusan dengan gajet. Tegasnya kanak-kanak ini tidak salah untuk menggunakan gajet tapi ia perlukan bimbingan dan kawalan daripada ibu bapa agar tidak membawa mereka kepada kelalaian.

Pandangan kedua-dua pensyarah ini selari dengan apa yang Allah SWT tekankan di dalam al-Quran. Bahawa Allah SWT tidak suka manusia melakukan perkara yang sia-sia yang boleh mendorong kepada kelalaian kepada-Nya. Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan di antara manusia ada orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejekan-ejekan; merekalah orang-orang yang akan beroleh azab yang menghinakan.”

(Surah Luqman 31: 6)

Berdasarkan ayat tersebut, ibu bapa perlu memastikan hiburan yang diberikan kepada anak-anak tidak membawa kepada kelalaian yang membawa kesesatan. Ibu bapa perlu mengetahui tentang apa yang dilihat dan ditonton oleh anak-anak melalui gajet atau peranti lain termasuk televisyen. Menurut Haron Din (2015), Islam juga mengajar agar manusia melakukan sesuatu itu secara sederhana dan tidak berlebihan terutama bagi perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat (*lagha*) kerana keadaan ini boleh membawa kepada kehancuran. Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya, maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.”

(Surah al-Isra' 17: 16)

Selain itu, Islam juga sangat melarang daripada melakukan sesuatu yang boleh memberi kemudaratan kepada diri sama ada secara jasmani mahupun rohani (al-Qaradhawi 2015). Penggunaan sebarang gajet jika digunakan secara berlebihan mampu memberi kesan yang tidak baik. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijelaskan sebelum ini, menunjukkan banyak kesan buruk terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak jika digunakan secara berlebihan. Kesan buruk daripada penggunaan gajet secara berlebihan ini merupakan satu kemudaratan yang amat dilarang dan ditegah dalam Islam. Firman Allah SWT bermaksud:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) pada jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

(Surah al-Baqarah 2: 195)

Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa penggunaan gajet juga mempunyai batasan tertentu berdasarkan oleh syariat. Setiap muslim perlu mengetahui isi kandungan yang disediakan di dalam setiap aplikasi yang dilanggan atau di muat turun di dalam gajet sebelum menggunakannya agar tidak membawa kepada kelalaian dan kealpaan dalam menuju jalan Allah SWT. Perkara inilah yang perlu diambil berat oleh ibu bapa agar anak-anak terutama yang masih kecil yang masih memerlukan panduan daripada orang dewasa untuk mengetahui mana perkara yang baik dan buruk untuk diisi dalam pengetahuan mereka. Hal ini kerana segala maklumat dan informasi yang disimpan dalam minda anak-anak akan mempengaruhi tingkah laku dan penentu kepada tindakan mereka (Kovalchuk & Gibb 2018).

KAEDAH PENGAWALAN PENGGUNAAN GAJET TERHADAP KANAK-KANAK

Menurut Mubara Kayla dan rakan-rakan (2017) sesetengah ibu bapa menerima perkembangan generasi digital dengan bersemangat, manakala ada sesetengah yang lain merasa ibu bapa panik, bimbang, malah hampir paranoid kerana mereka hanya melihat sisi negatif penggunaan gajet atau 'gajet'. Rasa bimbang dan panik

dalam kalangan ibu bapa ada rasionalnya apabila telah banyak kajian yang membuktikan penggunaan gajet secara berlebihan memberi kesan yang buruk kepada kanak-kanak. Apatah lagi, Islam melarang umatnya melakukan sesuatu yang boleh memberi kemudaratan kepada diri.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini pengguna gajet tanpa wayar dalam kalangan kanak-kanak semakin hari semakin menjadi satu kebiasaan disebabkan faktor semasa seperti pembelajaran, pengisian masa lapang dan ada yang disebabkan untuk mengawal tingkah laku kanak-kanak. Ibu bapa harus akur dengan realiti bahawa anak-anak masa kini berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan anak-anak sebelum ini. Ibu bapa perlu selangkah ke hadapan dalam menghadapi ledakan teknologi dalam kehidupan anak-anak. Oleh itu, usaha untuk mengawalnya perlu dilakukan oleh ibu bapa supaya kanak-kanak menggunakan gajet dengan kaedah yang betul dan tidak mengganggu proses pertumbuhan dan perkembangan mereka.

Pelbagai kaedah telah dikenal pasti sebagai langkah atau cara ibu bapa untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak secara berlebihan.

1) Memuat turun aplikasi *Parenting Control* dan penetapan kata laluan.

Menurut Hasanah (2020) ibu bapa boleh memasang perisian '*parental control*' pada komputer ataupun telefon bimbit untuk menghadkan laman sesawang yang tertentu yang mana ianya tidak sesuai untuk dilayari oleh kanak-kanak. Ibu bapa juga boleh memuat turun aplikasi yang dinamakan '*google family link for parents*' di telefon mereka dan anak-anak bagi mengawasi setiap aktiviti kanak-kanak. Ibu bapa dapat memantau anak-anak walaupun tidak berada bersama mereka.

2) Menghadkan tempoh masa

Menurut Prof. Dr Muhammad Muhsin, Pakar Perunding Psikiatri dan Pensyarah Kanan Universiti Malaya, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dari segi had masa dan pemantauan yang rapi. Hal ini penting bagi memastikan anak-anak tidak terlalu ghairah apabila menggunakan gajet. Katanya lagi, penggunaan gajet seharusnya tidak boleh melebihi 2 jam dan mereka perlu duduk sekali bersama anak-anak terutama anak-anak yang berusia bawah lima tahun bagi mengelakkan kebergantungan terhadap gajet (Khairunnisa 2016). Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik, Datuk Dr Zulkifli Ismail, berpendapat kanak-kanak yang berusia dua hingga lima tahun hanya boleh didedahkan dengan gajet kira-kira sekitar 30 minit untuk tempoh dua hingga tiga hari sekali, manakala yang berumur 6 hingga 18 tahun pula hanya dua jam sehari sahaja (Alzahrin & Mohd Nasaruddin 2015).

3) Menetapkan kata laluan (*Password*)

Menurut Suhaniya & Mohamad Fauzi (2019) ibu bapa juga boleh menggunakan perisian penapisan internet serta menetapkan *privacy setting* dan kata laluan bagi pengawalan penggunaan gajet. Melalui penetapan kata laluan kanak-kanak tidak bebas untuk menggunakan gajet.

4) Berbincang secara terbuka

Menurut Naquiah dan rakan-rakan (2017), ibu bapa perlu sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak secara terbuka bagi mengetahui cara anak-anak menggunakan gajet seperti jenis laman sesawang yang dilayari serta aplikasi. Ibu bapa sebaiknya memberi nasihat dengan baik dan tidak seharusnya terus menghukum atau memarahi anak-anak apabila anak-anak bercerita tentang laman sesawang yang tidak sepatutnya mereka lawati. Hal ini penting demi membentuk keyakinan dan kepercayaan dalam jiwa anak-anak agar terus berbincang mengenainya pada masa akan datang (Naquiah et al. 2017).

5) Galakan kanak-kanak melakukan aktiviti fizikal

Menurut Naquiah dan rakan-rakan (2017) keseimbangan antara penggunaan teknologi moden dengan aktiviti-aktiviti lain yang berbentuk riadah dan aktiviti di luar rumah dapat menyeimbangkan perkembangan anak-anak dari segi jasmani, intelek, emosi, dan sosial. Aktiviti berbentuk riadah dan aktiviti luar rumah dapat membina otot-otot mereka agar pertumbuhan fizikal tumbuh dengan baik serta perkembangan psikologi mereka dirangsang dengan pengalaman kehidupan yang sebenar. Hal ini dapat mengurangkan kebergantungan kanak-kanak terhadap keseronokan melalui permainan gajet.

6) Menyusun jadual anak-Anak

Naquiah dan rakan-rakan (2017) berpendapat, ibu bapa boleh menyusun jadual yang bersesuaian dan membimbing mereka supaya mengikuti jadual yang telah disusun. Penggunaan gajet dan peranti elektronik yang lain seperti televisyen perlu dihadkan dalam jangka masa tertentu. Menghadkan penggunaan teknologi moden dapat memastikan anak-anak dapat menumpukan lebih perhatian kepada pembelajaran, seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka (Naquiah et al. 2017).

7) Menetapkan had umur.

Shima Dyana dan Siti Marziah (2018) berpendapat pendedahan awal kepada gajet kepada kanak-kanak mungkin kurang sesuai kerana kesan buruknya kepada perkembangan dan kesihatan kanak-kanak. Kaedah pembelajaran yang semula jadi lebih sihat dan membantu perkembangan kanak-kanak daripada pembelajaran berasaskan peranti. Oleh itu, ibu bapa sebaiknya menetapkan had umur anak-anak agar tidak menggunakan gajet pada tahap umur yang terlalu awal. Hal ini amat penting supaya anak-anak tidak terlibat dengan ketagihan gajet

dan perlu menerokai perkara lain yang lebih bermanfaat mengikut pada tahap umur mereka.

8) Menetapkan lokasi bagi penggunaan gadget

Menurut Rajini Sarvanthan Pakar Perunding Perkembangan Kanak-Kanak, ibu bapa perlu tahu dan peka di mana anak-anak mereka menggunakan gajet sama ada di ruang tamu, ruang bilik, ruang makan dan sebagainya. Seharusnya, penggunaan gajet dilarang di meja makan serta di bilik tidur atau kawasan yang tersembunyi daripada pandangan ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa mestilah bertanggungjawab memastikan gajet seperti ipad, tablet dan lain-lain diletakkan pada tempat yang umum supaya pemantauan secara tidak langsung dapat dijalankan dengan lebih efektif (Faizatul Farlin 2015).

9) Menentukan penetapan cahaya dan nada gajet yang sesuai

Menurut Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik, Zulkifli Ismail pula, katanya kanak-kanak akan berhadapan dengan masalah penglihatan apabila sering didedahkan dengan teknologi kini dan secara tidak langsung akan menyebabkan kurangnya pergerakan disebabkan mereka terlalu fokus pada skrin. Apabila leka bermain dengan gajet, maka kanak-kanak akan terdedah kepada cahaya skrin terlalu lama dan akan menjejaskan tahap tumpuan mereka.

10) Memantau Laman Sesawang Yang Dilayari

Menurut Hasanah (2020), beliau mengatakan bahawa sebagai ibu bapa mereka perlu memantau laman sesawang yang dilayari oleh kanak-kanak. Ibu bapa perlu mengambil tahu dan mengenal pasti laman sesawang apa yang boleh menyebabkan anak-anak mereka leka dan menyebabkan perasaan mereka menjadi buruk apabila mereka tidak mengizinkan untuk melihatnya lagi. Lebih-lebih lagi, kanak-kanak sangat mudah terdedah kepada pelbagai jenis kandungan yang tidak sihat khususnya pornografi yang semakin berleluasa dan mudah didapati dalam internet. Hal ini juga disokong oleh Dr Rajini Sarvanthan bahawa setiap kandungan aplikasi yang dilayari oleh kanak-kanak perlu dipastikan kesesuaian kandungannya (Faizatul Farlin 2015).

11) Menetapkan laman sesawang dan aplikasi mengikut pada kesesuaian umur

Selain dari itu, ibu bapa juga boleh menetapkan laman sesawang dan aplikasi mengikut pada kesesuaian umur anak-anak. Hal ini disebabkan tidak semua laman sesawang dan aplikasi sesuai untuk setiap umur kanak-kanak. Kesemuanya semestilah mempunyai garis panduan yang tersendiri yang perlu dipandu oleh ibu bapa.

12) Kawalan ke atas *games* dan pembelian aplikasi secara atas talian

Menurut Hasanah (2020), ibu bapa juga perlu mengawal dan memantau permainan *games* dan pembelian *games* secara atas talian. Mereka boleh memilih

games yang boleh menguji dan menarik minat anak-anak menggunakan minda untuk berfikir secara rasional dan bukan hanya bermain untuk bersuka ria semata-mata. Kanak-kanak tidak boleh dibiarkan mereka melayari internet tanpa penyeliaan ibu bapa atau ibu bapa perlu menjalankan kawalan sosial yang ketat dengan menetapkan *privacy setting* dan juga menetapkan kata laluan. Hal ini bertujuan untuk memantau anak-anak daripada bebas menggunakan aplikasi mahupun *games* yang ada di laman sosial (Suhaniya & Mohamad Fauzi 2019).

13) Bersikap tegas dan berdisiplin

Ibu bapa perlu bersikap tegas terhadap anak-anak, hal ini penting bagi memastikan kawalan gajet dapat dikawal dengan baik. Apa yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah memperkenalkan peraturan dalam penggunaan gajet di rumah. Ibu bapa berhak untuk mengetahui butir-butir dan perincian semua akaun dalam talian anak-anak mereka. Sikap tegas pada anak-anak amat supaya anak-anak tidak terlibat dengan elemen-elemen yang mendedahkan kepada mereka kepada laman sesawang yang tidak sihat. Walau bagaimanapun, ibu bapa juga tidak boleh menggunakan gajet secara kerap di hadapan anak-anak mereka (Naquiah et al. 2017).

14) Menggunakan Gajet Itu Bersama Anak-Anak

Ibu bapa juga digalakkan untuk meluangkan masa bersama anak-anak mereka semasa anak-anak sedang menggunakan sebarang jenis gajet. Sebagai contoh, ibu bapa melakukan interaksi bersama mereka semasa melihat skrin telefon pintar dan menanyakan kepada mereka soalan seperti apa nama binatang ini, macam mana bunyi kucing ini, warna apa itu dan banyak lagi soalan yang boleh ditanya. Maka interaksi secara dua hala ini akan menyebabkan hubungan ibu bapa dan anak-anak menjadi lebih erat, dan secara tidak langsung minda dan fikiran anak-anak juga berkembang dengan baik. Sebolehnya, ibu bapa yang bertanggungjawab, mereka tidak boleh membenarkan anak-anak bermain gajet seorang diri Hal ini kerana, itulah yang menyebabkan anak-anak itu akan melayari laman sesawang atau permainan sesuka hati yang sehingga menyebabkan mereka ketagih untuk menggunakan gajet (Salmah & Malisah 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes dengan melakukan temu bual secara atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Peserta kajian adalah seramai 5 orang yang terdiri daripada pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Satu senarai semak juga digunakan bagi menyokong dapatan kajian. Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan bagi mendapatkan peserta kajian yang mempunyai anak yang berumur sekitar 2 hingga 12 tahun yang menggunakan gajet. Jadual 1 adalah maklumat demografi peserta kajian.

Jadual 1: Demografi Peserta Kajian

Informan	Jantina	Umur	Bilangan Anak Umur 2-12 Tahun	Bentuk Temubual	Gajet
1	Perempuan	41-50	3	Google meet	Ipad & telefon pintar
2	Perempuan	41-50	2	Gmail	Ipad, telefon pintar & tablet
3	Lelaki	31-40	4	What Apps	Ipad & telefon pintar
4	Lelaki	41-50	3	What Apps	Ipad & telefon pintar
5	Lelaki	41-50	4	What Apps	Ipad & telefon pintar

DAPATAN KAJIAN

Melalui data temu bual, kajian mengenal pasti pandangan ibu bapa terhadap keperluan penggunaan gajet, kebaikan dan keburukan penggunaannya serta kaedah berkesan dan sesuai untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak.

Keperluan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak

Dari sudut keperluan semua peserta kajian berpandangan bahawa penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak sudah menjadi satu keperluan kerana faktor perkembangan revolusi industri (Peserta kajian 1), pengajaran dan pembelajaran secara atas talian (Peserta kajian 2,3 & 4), dan faktor hiburan serta permainan (Peserta kajian 3). Namun bagi Peserta kajian 5 walaupun menjadi keperluan, penggunaan gajet kepada kanak-kanak bukan satu kemestian oleh itu penggunaannya perlu ada batasan.

"Gajet satu keperluanlah tapi bukan satu kemestian. Keperluan yang dibataskanlah". (Peserta kajian 5)

Kebaikan dan keburukan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak

Dari segi kebaikan dan keburukan, peserta kajian berpendapat penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak boleh memberi kesan baik dan buruk mengikut cara ibu bapa menyediakan penggunaannya. Antara pandangan mereka:

"... dia (gajet) boleh menjadi sangat baik dan ia boleh menjadi sangat buruk tetapi kebaikan dan keburukan itu pada pandangan saya sangat kuat bergantung kepada pengetahuan ibu dan bapa." (Peserta kajian 1)

"Kebaikannya, penggunaan gajet membantu ibu bapa sebagai medium independent learning dan berfungsi sebagai edutainment. Namun, penggunaan gajet seharusnya dikawal oleh ibu bapa supaya anak-anak tidak mudah untuk mengakses kandungan yang tidak baik yang tidak sesuai dengan tahap umur mereka." (Peserta kajian 2)

“Gajet sebenarnya ia ada baik dan juga buruk, kebaikannya jika kit pandai untuk menggunakannya, pandai menjaga gajet ini bagi keperluan untuk anak-anak digunakan dia adalah sesuatu perkara baik. Jika kita tidak pandai menjaganya, control pada gajet-gajet ini, menyebabkan perkara ini menjadi buruk.” (Peserta kajian 3)

Berdasarkan dapatan ini menunjukkan, dalam kalangan ibu bapa berkerjaya berpendapat bahawa penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak pada masa kini menjadi keperluan namun penggunaannya perlu ada kawalan kerana penggunaan gajet yang tidak dikawal boleh memberi kesan buruk kepada kanak-kanak.

Kaedah Pengawalan Gajet Oleh Ibu Bapa Bekerjaya Di UKM

Berdasarkan analisis tematik, kajian mendapati terdapat 3 pendekatan utama yang dianggap memberi kesan dan sesuai untuk mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak oleh ibu bapa iaitu dengan menggunakan kawalan melalui aplikasi gajet, latihan melalui disiplin dan pembinaan kawalan dalaman diri.

1) Kawalan melalui aplikasi

Terdapat aplikasi seperti *Google Family Link For Parents* dan sistem yang tersedia dalam gajet seperti Parental Control yang membantu ibu bapa untuk mengawal penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan kanak-kanak. Peserta kajian didapati lebih menggunakan kaedah mengawal masa penggunaan melalui sistem atau aplikasi gajet bagi memantau anak-anak. Mereka menetapkan aturan masa penggunaan di dalam sistem peranti sekitar jam 7 pagi hingga 10 malam. Oleh itu, kanak-kanak tidak dapat membuka gajet mereka selepas jam 10 malam dan boleh membuka semula bermula 7 pagi.

Selain itu, aplikasi yang digunakan oleh kanak-kanak juga dihadkan contohnya menyediakan Youtube Kids yang hanya memaparkan video bersesuaian dengan kanak-kanak dan tidak membenarkan penggunaan Youtube yang menyediakan pengisian video yang tiada batas.

2) Latihan melalui disiplin

Ibu bapa turut menggunakan kaedah disiplin bagi mengawal penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Beberapa pendekatan digunakan dengan memberi latihan melalui bimbingan dan ganjaran. Melalui bimbingan anak-anak ditetapkan jadual penggunaan gajet dan menghadkan waktu penggunaan sekitar 1-2 jam. Ada juga menetapkan gajet boleh digunakan setelah menyiapkan segala tugas sekolah dan rumah.

Ibu bapa juga turut memberi peringatan tentang penggunaan gajet sama ada tempoh masa penggunaan serta kandungan yang dilayari. Dalam membina

disiplin kepada kanak-kanak, ibu bapa didapati lebih suka menggunakan pendekatan memberi ganjaran sekiranya mereka dapat melaksanakannya dengan baik.

3) Pembinaan kawalan dalaman diri

Pembinaan kawalan dalaman diri juga turut digunakan oleh ibu berkerjaya di UKM untuk pengawalan penggunaan gajet kanak-kanak. Antara kaedah yang digunakan dalam membina kawalan dalaman diri kanak-kanak ialah dengan memberi nasihat, bimbingan dan perbincangan. Ibu bapa turut menggunakan pendekatan psikologi dan memberi fakta logik bagi memberi kesedaran dalam diri kanak-kanak bahawa penggunaan gajet ini perlu digunakan dengan baik agar tidak memberi kesan buruk sama ada dari sudut kesihatan atau tingkah laku. Selain itu, terdapat ibu bapa yang menggunakan pendekatan agama dengan membentuk keimanan agar dapat membendung diri kanak-kanak daripada perkara negatif kesan daripada penggunaan gajet.

Selain daripada itu, kajian ini turut melakukan senarai semak kaedah pengawalan gajet terhadap kanak-kanak kepada peserta kajian. Hasil analisis senarai semak tersebut diringkaskan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Analisis Kaedah Pengawalan Gajet Terhadap Kanak-kanak Oleh Ibu Bapa

Kaedah Pengawalan Gajet		Tahu	Tidak tahu	Guna	Tidak Guna
1	Memuat turun aplikasi " <i>parental control</i> "	5/5	0	3/5	2/5
2	Hadkan masa	5/5	0	4/5	1/5
3	Kawalan password	5/5	0	4/5	1/5
4	Menyusun jadual	5/5	0	2/5	3/5
5	Menetapkan lokasi penggunaan gadget	5/5	0	4/5	1/5
6	Menetapkan had umur pengguna	5/5	0	3/5	2/5
7	Bersikap tegas dan berdisiplin	5/5	0	5/5	0
8	Menetapkan pencahayaan	5/5	0	3/5	2/5
9	Menetapkan kadar bunyi	5/5	0	2/5	3/5
10	Memantau laman sesawang yang dilayari	5/5	0	5/5	0
11	Menetapkan aplikasi berdasarkan umur	5/5	0	4/5	1/5
12	Menetapkan laman sesawang berdasarkan umur	5/5	0	4/5	1/5
13	Kawalan ke atas <i>games</i>	5/5	0	5/5	0
14	Kawalan pembelian <i>online</i> untuk <i>games</i>	5/5	0	5/5	0

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan dalam mengawal penggunaan gajet terhadap kanak-kanak kesemua peserta kajian menggunakan kaedah bersikap tegas dan disiplin, memantau laman sesawang yang dilayari dan mengawal penggunaan serta pembelian *games* secara atas talian dalam. Manakala, terdapat 2 kaedah pengawalan penggunaan gajet yang kurang digunakan iaitu menyusun jadual dan menetapkan kadar bunyi.

Garis Panduan Pengawalan Gajet Anak-Anak Bagi Ibu Bapa Bekerjaya

Berdasarkan kajian literatur dan juga dapatan kajian yang telah dilakukan, beberapa pendekatan dan kaedah dikenal pasti yang dapat menjadi dasar bagi membina satu garis panduan kepada ibu bapa berkerjaya dalam membantu usaha pengawalan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Perincian garis panduan dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Pendekatan dan Kaedah Pengawalan Ibu bapa Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-kanak.

PENDEKATAN & KAEDAH PENGAWALAN GAJET TERHADAP KANAK-KANAK	
A. Kawalan Melalui Aplikasi & Tetapan Dalam Gajet/Peranti	
1) Memuat turun aplikasi " <i>parenting control</i> ".	Aplikasi dan tetapan "Parenting control" bagus kerana ibu bapa boleh mengawal penggunaan gajet dari jarak jauh. Contoh aplikasi Google Family Link for Parents
2) Tetapan kata laluan (<i>Password</i>)	Bertujuan supaya anak-anak tidak bebas menggunakan gajet.
3) Menetapkan pencahayaan dan menetapkan tahap bunyi peranti/gajet	Penetapan cahaya dan tahap bunyi penting untuk menjaga kesihatan penglihatan dan pendengaran kanak-kanak.
4) Menetapkan aplikasi & laman sesawang yang dilayari mengikut peringkat umur	- Misalnya, menggunakan Youtube Kids dan buka menggunakan Youtube. - Memuat turun aplikasi permainan yang tidak memberi kesan negatif terhadap kerohanian, psikologi, tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak.
B. Latihan Melalui Disiplin	
5) Menetapkan had umur pengguna	Kanak-kanak tidak digalakkan menggunakan gajet pada tahap umur yang terlalu awal
6) Menyusun jadual untuk anak-anak	Sebaiknya menetapkan masa yang sesuai untuk menggunakan gajet dan tempoh masa penggunaan.
7) Menetapkan lokasi penggunaan gajet	Tidak digalakkan kanak-kanak bermain gajet di bilik, tempat gelap atau di ruang makan.
8) Memantau laman sesawang yang dilayari	Ibu bapa boleh memperkenalkan peraturan dalam penggunaan gajet di rumah
9) Ibu bapa menunjukkan contoh	Kanak-kanak suka meniru atau mengikut tingkah laku ibu bapa. Oleh itu ibu bapa perlu menunjukkan amalan penggunaan gajet yang baik

C. Pembinaan kawalan dalaman diri	
10) Memberi kesedaran tentang bahaya penggunaan gajet secara berlebihan.	Kesedaran dibina melalui bimbingan dan nasihat yang baik.
11) Mendedahkan kanak-kanak dengan pilihan lain bagi menggantikan gajet.	Kanak-kanak suka bermain dan mencuba pelbagai aktiviti. Oleh itu, ibu bapa perlu sediakan pilihan lain yang menyeronokkan selain daripada gajet.
12) Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT	Manusia tidak boleh berada lama dalam tidakselesaan kerana melakukan atau melihat sesuatu yang salah kesan dari keimanan dan ketakwaan. Oleh itu, keimanan dan ketakwaan perlu dibentuk sejak kanak-kanak lagi agar dapat membendung mereka dari terus selesa melakukan sesuatu yang salah.

Kesimpulan

Walaupun kajian lepas banyak menunjukkan bahawa penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak boleh memberi kesan yang buruk, namun ramai ibu bapa bersetuju penggunaan gajet tidak dapat dielakkan disebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilaksanakan secara atas talian terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan mula dikuatkuasakan disebabkan Pandemik Covid-19 melanda negara. Hal ini menyebabkan kanak-kanak lebih terdedah dalam penggunaan gajet. Oleh kerana itu, bagi memastikan perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak terjaga, ibu bapa terutama yang berkerjaya tidak boleh tidak harus memastikan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak perlu dikawal dengan sebaiknya. Hal ini bagi mengelakkan kesan negatif terhadap kesihatan, psikologi, kerohanian dan tingkah laku kanak-kanak pada masa akan datang. Seperti kata pepatah Melayu “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Rujukan

- Al Mazmi, M., Aslam, H. & Rajan, A.V. (2013). The influence of technology on children's health. International Conference on Technology and Business Management. Dubai, UAE, March 18-20:1226-1235
- Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi. 2015. Gajet rosakkan hubungan anak, ibu bapa. Berita Harian Online. Dicapai pada 10 Oktober 2020. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/50332/gajet-rosakkan-hubungan-anak-ibu-bapa>
- Anderson, C. A., & Dill, K.E. 2000. Video games and aggressive thought, feeling and behavior in the laboratory and in life. *Journal of Personality and Social Psychology* 78: 772-790.
- Anderson, C.A. & Bushman, B.J. 2002. Violent video games and hostile expectations: A test of the general aggression model. *Personality and Social Psychology Bulletin* 28: 1679-1686.

- Aula Nurmasari. 2016. "Hubungan Intensitas Penggunaan Gadge dengan Keterlambatan Perkembangan pada Aspek Bicara dan Bahasa pada Balita di Kelurahan Tambakrejo," Skripsi thesis, Universitas Airlangga.
- Gentile, D. A. & Walsh, D. A. 2002. A normative study of family media habits. *Applied Development Psychology* 23: 157-178.
- Haron Din. 2015. *Manusia Dan Islam*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Imām Abī ‘Abdullāh Muhammad bin Ismā‘īl bin ‘Ibrāhīm bin Bardazbihi al-Ja‘fī al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, ed. Muhamad Abdul Qādir Ahmad ‘Aṭā, Jil. 1-3, Qāherah: Dār al-Taḳwa Lilturāth, 2001.
- Jones, T. 2014. Cell phone use while walking across campus: An observation and survey. *Elon Journal of Undergraduate Research in Communications* 5 (1): 1-2.
- Kabali, H. K., Irigoyen, M. M, Nunez-Davis, R., Budacki, J. G., Mohanty, S. H., Leister, K. P., & Bonner, R. L. 2015. Exposure and use of mobile media devices by young children. *Pediatrics* 136 (6): 1044-1050.
- Khairunnisa Kasnoon. 2016. Dadah Digital: Impak Gajet Kepada Kanak-Kanak. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-teknologi/dadah-digital-impak-gajet-kepada-kanak-kanak-118046> . (29 September 2019).
- Kolb, B. 2018. Overview of factors influencing brain development. (Ed.) Gibb, R. & Kolb, B. Dlm, *The Neurobiology of Brain and Behavioral Development*. London: Academic Press.
- Kovalchuk, A. & Gibb, R. 2018. Brain Development. (Ed.) Gibb, R. & Kolb, B. Dlm, *The Neurobiology of Brain and Behavioral Development*. London: Academic Press.
- Master, M. K., Kaur, C. P., Narasimhan, A., Nadeem, M., Ali, M. & Shaik, R. B. 2016. Impact of electronic gadget on Psychological behavior of middle school children in UAE. *Gulf Medical Journal* 5 (2): 54-60.
- Mohd. Hafizee Mohd Arop. 2019. Polis tahan kanak-kanak 12 tahun disyaki merogol. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/07/580158/polis-tahan-kanak-kanak-12-tahun-disyaki-merogol>. Dicapai pada 1 Oktober 2020.
- Naquiah Nahar, Sahrnzam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, Abdul Hafiz Abdullah. 2017. Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *Umran: Internasional Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5 (1): 87-99.
- Putri Afzan Maria Zulkifli. 2015. Kanak-kanak & gajet. *Wadah ICT* <http://www.ukm.my/wadahict/kanak-kanak-gajet/> . Dicapai pada 22 September 2020.

- Rohani Abdullah. 2001. *Perkembangan Kanak-kanak: Penilaian Secara Portfolio*. Selangor: UPM Press.
- Rosmiati, Acep Hidayatul Mustofa, Hilda Syarifatul Awida & Henri Setiawan. 2019. The relationship between the use of gadgets with the social development of pre-school children. *Jurnal Vocational Nursing Sciences* 1(1): 1-11.
- Rudi Hariawan, Nurul Ulfatin , Muhammad Huda A. Y. & Imron Arifin. 2019. Contributions management of parenting and education program to strengthen the service three early childhood education center. *International Education Studies* 12 (2): 100-108.
- Setianingsih, Amila Wahyuni Ardani, & Firiana Noor Khayati. 2018. Dampak penggunaan gadget pada anak usia parsekolah dapat meningkatkan resiko gangguan pemusatan perhatian dan hiperaktivitas. *GASTER XVI* (2): 191-205.
- Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah et al. 2017. Penjagaan akal menurut perspektif Islam dalam konteks maqasid syariah, dalam Mohd Faizal P. Rameli et al.(ed). Prosiding 2nd International Islamic Heritage Conference ISHE 2017:809-815.
- Shima Dyana Mohd Fazree & Siti Marziah Zakaria. 2018. Kesan Penggunaan Gadget Kepada Perkembangan Kognitif Dan Sosial Kanak kanak Prasekolah. *Jurnal Wacana Sarjana* 2 (4): 1-6.
- Siti Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah & Abdul Rahman Omar. 2019. Psikologi pembangunan kanak-kanak: Perkaitan antara psikologi pendidikan barat dan psikologi pendidikan Islam. *Journal of Educational Research* 4 (1): 14-23.
- Srinahyanti, Yasaratodo Wau, Imelda Free Unita Manurung & Nur Arjani. 2018. Influence of gadget: A positive and negative impact of smartphone usage for early child. ACEIVE 2018, Medan, Indonesia. <http://dx.doi.org/10.4108/eai.3-11-2018.2285692>
- Sundus, M. 2018. The impact of using gadgets on children. *Journal of Depression and Anxiety* 7 (1): DOI: 10.4172/2167-1044.1000296
- Thompson, D. A., & Christakis, D. A. 2005. The association between television viewing and irregular sleep schedules among children less than 3 years of age. *Pediatrics* 116 (4): 851-856.
- Touitou, Y., Reinberg, A., & Touitou, D. 2017. Association between light at night, melatonin secretion, sleep deprivation, and the internal clock: Health impacts and mechanisms of circadian disruption. *Life Sciences* 173: 94-106.
- Vittrup, B., Snider, S., Rose, K. K., & Rippey, J. 2016. Parental perceptions of the role of media and technology in their young children's lives. *Journal of Early Childhood Research* 14 (1): 43-54.

- Widea Ernawati. 2015. Pengaruh penggunaan gajet terhadap penurunan tajam penglihatan pada anak usia sekolah (6-12 tahun) di SD Muhammadiyah 2 Pontianak Selatan. *Jurnal Proners* 3 (1).
<https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jmkeperawatanFK/article/view/10533/10151>
- Zulkiflee Haron, Arieff Salleh Rosman, Mohd Nasir Ripin, Aminudin Hehsan, Juhazren Junaidi, Al-Ikhsan Ghazali, Nurul Bahiah Mohd Noor, & Rabiatal Hidayah Mokhtar. 2017. Impak pendedahan awal penggunaan teknologi terhadap kanak-kanak. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies* 8 (4): 28-41.
- Williams-Washington, K. N., Melon, J. & Blau, G. M. 2010. Childhood growth and development within family context, in Gullotta, T. P. & Blau, G. M. (Ed). *Family Influences on Childhood Behavior and Development*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Muhammad Arif Yahya, Pensyarah di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah UKM. Temubual pada 20 April 2020.
- Hasanah Abd. Khafidz, Pensyarah di Pusat Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM. Temubual pada 24 April 2020.
- Murbara Kayla et al. 2017. *Smartmom for Smart Generation*. Yogyakarta: DIVA Press
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2015. *Fatwa Kontemporari, Siri 4: Hubungan Kemasyarakatan*. Selangor: PTS Islamika.
- Faizatul Farlin. 2015. Baik, Mudarat Gajet Atas Pilihan. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/node/76176> . Dicapai pada 12 Oktober 2020
- Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi. 2019. Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media social. *Akademika* 89 (1): 111-124.
- Salmah & Malisah. 2015. Pengaruh Gajet Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak, 1-12.
- Amrul Aysar Ahsan. 2020. Pembinaan anak dalam Surah Luqman ayat 13-17. *Jurnal Asas* 3(1): 54-68.

Penulis:

Siti Jamiaah Abdul Jalil,
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, UKM
Emel: sitijamiaah82@ukm.edu.my

Nurfarahain Abu Bakar,
Emel: farahainshams@gmail.com,

Juwairiah Hassan,
Emel: juwairiah@kuipsas.edu.my